

06/11/1999

Pas hasut rakyat berpecah: Ku Li

Veena Rosli

KOTA BHARU, Jumaat - Pas perlu bertanggungjawab terhadap fahaman sempitnya yang menimbulkan perpecahan di kalangan masyarakat, termasuk penceraian suami-isteri akibat perbezaan politik.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah, berkata pelbagai hasutan Pas selama ini membawa kepada perpecahan seperti kafir-mengkafir, bersembahyang dua imam dan pemulauan majlis kenduri.

Sebaliknya, katanya Umno tidak pernah menganjurkan perkara sedemikian atau menghasut mana-mana pihak, walaupun kepada mereka yang berlainan agama atau golongan yang tidak setuju dengan perjuangan parti itu.

Langkah ini, katanya, berbeza dengan Pas yang bukan saja memeralatkan agama demi mencapai cita-cita politik tetapi turut menggunakan agama untuk menghasut rakyat supaya berpecah-belah.

"Kita (Umno) tak menghasut, malah menyeru kepada perpaduan kerana itulah yang dituntut Islam dan budaya kita sebagai orang Melayu.

"Keadaan sekarang nampaknya ada pihak menghasut (rakyat) supaya berpecah, manakala satu pihak lagi mahukan perpaduan. Umno tetap mahu rakyat di Kelantan kembali bersatu kerana kita adalah golongan lemah dan memerlukan kekuatan demi perpaduan.

"Sekarang ni macam-macam perkara timbul, termasuk isu kafir-mengkafir dan penceraian kerana berbeza fahaman politik sedangkan semua tak berlaku dulu, jadi kenapa berlaku sekarang... kita turut dukacita," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melawat Bilik Gerakan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kijang di Kampung Tikat, Banggol, dekat sini, hari ini.

Tengku Razaleigh berkata, kesan hasutan Pas itu antara sebab yang menguatkan tekad Barisan Nasional (BN) untuk mengambil alih pentadbiran di Kelantan pada pilihan raya umum akan datang.

Mengenai sikap Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, yang memandang ringan satu kes penceraian di Tumpat, didakwa berlaku berikutan perbezaan fahaman politik, beliau berkata, Mursyidul Am Pas itu tidak sepatutnya menganggap insiden itu remeh.

"Saya ada baca dia kata nak jampi mana-mana pasangan yang bercerai... tak bolehlah pandang rendah begitu, mengapa nak pecah-belahkan keluarga dan masyarakat.

"Sebagai ketua kerajaan negeri, dia (Nik Abdul Aziz) mesti utamakan perpaduan kerana kita nak hidup secara aman damai dan mahu mengukuhkan masyarakat. Justeru, tidak sepatutnya kita biarkan perpecahan berlarutan.

Ahad lalu, seorang wanita mendakwa diceraikan suaminya, dipercayai penyokong kuat Pas, didakwa terlalu taksud dengan 'fatwa' pemimpin Pas bahawa Umno adalah parti kafir.

Wan Hamad Wan Jusoh, 63, dari Kampung Alor Durian @ Kampung Bukit, Wakaf Bharu, dekat sini berbuat demikian selepas dipercayai terpengaruh dengan 'fatwa' beberapa pemimpin Pas yang berceramah di kampung itu pada malam 30 Oktober lalu.

Beliau menceraikan Esah Yusoff, 64, pada pada jam 8 pagi pada keesokannya selepas 15 tahun berkahwin atas alasan Allah tidak menerima ibadah mereka yang menyokong parti Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang didakwa sebagai parti Kristian dan Yahudi.

Terdahulu, beliau turut merasmikan mesyuarat agung keempat Dewan Pengawet Tembakau Kelantan di Kompleks Yayasan Kemiskinan Kelantan (YKK) di Padang Kala, Peringat, dekat sini.

(END)